

KAD DEBIT BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG MENGAWALSELIA PENGGUNAAN
KAD DEBIT BOCM

Terma-terma dan syarat-syarat ini mengawalselia operasi dan penggunaan Kad Debit BOCM oleh anda. Adalah penting untuk anda membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan teliti serta menyimpannya untuk rujukan pada masa hadapan. Apabila anda mengakui penerimaan Kad Debit BOCM, menandatangani Kad tersebut atau menggunakan Kad buat pertama kali, anda dianggap telah membaca, menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat di bawah.

1. Definisi dan Tafsiran

1.1 Definisi-definisi berikut digunakan melainkan dinyatakan sebaliknya: -

- **Akaun** bermaksud akaun simpanan dan/atau akaun semasa perbankan yang dibuka oleh Pemegang Kad dengan Bank.
- **ATM** bermaksud Mesin Juruwang Automatik
- **Bank** atau **BOCM** bermaksud Bank of China (Malaysia) Berhad dan termasuk pengganti hak milik serta pemegang serah haknya.
- **Kad Debit Pelajar BOCM** bermaksud kad debit yang memaparkan logo Mastercard atau UnionPay & MyDebit yang dikeluarkan oleh Pihak Bank kepada Pemegang Kad yang berumur di bawah 18 tahun dalam bulan kalendar dari sekolah-sekolah terpilih melalui jemputan dan yang dipautkan dengan Akaun MYR Pemegang Kad.
- **Kad Debit Pengurusan Kekayaan BOCM** bermaksud Kad Debit MYR yang memaparkan logo Mastercard atau Kad Debit Dwi Mata Wang yang memaparkan logo UnionPay & MyDebit yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad yang didaftarkan di bawah segmen Pengurusan Kekayaan.
- **BOCnet** bermaksud perbankan internet BOCM.

- **Kad** bermaksud Kad Debit MYR, Kad Debit Dwi Mata Wang atau Kad Debit

Pengurusan Kekayaan BOCM yang memaparkan logo Skim Kad masing-masing yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad, yang dipautkan dengan Akaun MYR dan/atau Akaun CNY Pemegang Kad.

- **Transaksi Tanpa Sentuhan** bermaksud kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan teknologi komunikasi medan dekat (NFC) untuk membuat pembayaran dengan menyentuh/melambatkan Kad pada pembaca yang selamat.
- **Transaksi Tanpa Kad Fizikal** bermaksud pembayaran transaksi Kad di mana Pemegang Kad tidak atau tidak dapat menyerahkan Kad secara fizikal untuk pemeriksaan visual pedagang pada masa pembayaran transaksi dilakukan. Transaksi Tanpa Kad Fizikal termasuk dan tidak terhad kepada transaksi dalam talian.
- **3-D Secure** bermaksud spesifikasi Three-Domain Secure untuk BOCM mengesahkan Pemegang Kad atas permintaan pedagang.
- **Pengesahan Transaksi** bermaksud ciri pengesahan digital dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih yang membolehkan tandatangan digital dan kelulusan transaksi dalam talian oleh Pemegang Kad.
- **Nombor Kad** bermaksud nombor yang diberikan dan dicetak pada Kad.
- **Pemegang Kad** bermaksud pelanggan Pihak Bank yang kepadanya Kad dikeluarkan.
- **Skim Kad** bermaksud skim kad antarabangsa atau domestik, termasuk MasterCard, UnionPay, MyDebit atau jenama kad lain yang berkenaan
- **Cip** bermaksud mikro cip, litar bersepadu yang terbenam pada Kad; ia menyimpan data kad debit.
- **CNY** bermaksud mata wang Yuan Cina.

- **Kad Debit Dwi Mata Wang** bermaksud kad debit yang memaparkan logo UnionPay dan MyDebit yang dikeluarkan oleh Bank, yang dipautkan dengan Akaun MYR dan/atau Akaun CNY Pemegang Kad.
- **MasterCard** bermaksud MasterCard Worldwide, sebuah perbadanan keahlian yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri Delaware, Amerika Syarikat.
- **Pedagang** bermaksud pertubuhan yang telah bersetuju untuk menerima Kad untuk pembelian barangan dan perkhidmatannya oleh Pemegang Kad.
- **Akaun Minor** bermaksud pemegang akaun yang berumur 12 dan atau sebelum umur 18 tahun dalam bulan kalendar.
- **Aplikasi Perbankan Mudah Alih** bermaksud aplikasi perbankan mudah alih yang disediakan oleh BOCM untuk dimuat turun dari Apple App Store, Google Play atau laman web rasmi Bank of China ke dalam telefon pintar Pemegang Kad atau peranti elektronik lain yang membolehkan Pemegang Kad melakukan transaksi perbankan melalui sambungan internet.
- **MyDebit** ialah skim kad debit domestik Malaysia, yang membolehkan pembayaran di pusat jualan menggunakan kad ATM yang dikeluarkan oleh bank-bank di Malaysia. MyDebit ialah perkhidmatan yang ditawarkan oleh Payments Network Malaysia Sdn Bhd.
- **MYR** bermaksud mata wang Ringgit Malaysia.
- **Kad Debit MYR** bermaksud kad debit yang memaparkan logo Mastercard yang dikeluarkan oleh Bank, yang dipautkan dengan Akaun MYR Pemegang Kad. Kad Debit MYR termasuk Kad Debit Pelajar BOCM.
- **Perbadanan Penerima Bayaran (Payee Corporation)** bermaksud perbadanan-perbadanan yang bilnya boleh dibayar melalui Perkhidmatan.

- **Perbankan Telefon** bermaksud perkhidmatan perbankan elektronik melalui telefon.
 - **PIN** bermaksud Nombor Pengenalan Peribadi (Personal Identification Number) yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad untuk mengakses Perkhidmatan yang ditawarkan melalui mana-mana SST, Perbankan Telefon, Terminal POS atau sebarang peralatan/peranti elektronik lain yang berkenaan.
 - **Pusat Jualan (Point-Of-Sale) atau POS** bermaksud tempat di mana transaksi runcit diselesaikan. Ia adalah tempat di mana Pemegang Kad membuat pembayaran kepada Pedagang sebagai pertukaran untuk barangan atau perkhidmatan.
 - **Perkhidmatan** bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan kepada Pemegang Kad melalui SST, Terminal POS, Perbankan Telefon dan sebarang perkhidmatan perbankan elektronik lain yang berkenaan yang mungkin ditawarkan atau diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
 - **SST** bermaksud Terminal Layan Diri (Self-Service Terminals)
 - **Transaksi** bermaksud sebarang dan kesemua transaksi perbankan yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad.
 - **UnionPay** bermaksud UnionPay International (“UPI”), sebuah persatuan kad bank.
 - **Tarikh Sehingga Sah (Valid Thru Date)** bermaksud tarikh luput kad yang dicetak pada permukaan kad
- 1.2 Dalam Terma-terma dan Syarat-Syarat ini, perkataan yang menunjukkan bentuk tunggal hendaklah termasuk bentuk jamak dan sebaliknya, dan rujukan kepada satu jantina hendaklah termasuk jantina yang lain, melainkan konteks memerlukan sebaliknya.
- 1.3 Sebarang rujukan kepada Bank hendaklah, jika konteks membenarkan atau

memerlukan, dianggap termasuk rujukan kepada pengganti dan pemegang serah haknya.

2 Aku Janji oleh Pemegang Kad

- 2.1 Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani Kad beliau sebaik sahaja beliau menerimanya dan sebelum menggunakannya, sebagai langkah mencegah penggunaan Kad tanpa kebenaran.
- 2.2 Pemegang Kad tidak boleh memindahkan Kad tersebut kepada mana-mana orang atau membenarkan mana-mana orang menggunakan Kad tersebut atau mencagarkan Kad tersebut sebagai cagaran untuk apa jua tujuan.
- 2.3 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk tujuan perniagaan dan/atau komersial, yang dianggap tidak boleh diterima oleh Bank, dan Bank berhak untuk menyekat atau menggantung penggunaan Kad untuk aktiviti-aktiviti tersebut. Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk apa-apa tujuan lain, khususnya, untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada pertaruhan dalam talian haram dan pembayaran untuk sebarang transaksi yang menyalahi undang-undang.
- 2.4 Perkhidmatan akan disediakan tertakluk kepada sebarang arahan atau pemberitahuan mengenai penggunaan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.5 Pendedahan **PIN** dan Kehilangan, Kecurian atau Penggunaan Kad yang Tidak Dibenarkan
Pemegang Kad hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan Kad dengan selamat di bawah kawalan peribadi beliau. Selanjutnya, Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan PIN kepada mana-mana orang lain dan hendaklah bertindak dengan suci hati, melaksanakan penjagaan dan ketekunan yang munasabah dalam memastikan PIN disimpan dengan selamat dan terjamin. Tanpa mengehadkan keluasan peruntukan di atas, Pemegang Kad mesti mengambil langkah-langkah berikut untuk memastikan Kad dan PIN disimpan secara selamat dan terjamin pada setiap masa, yang termasuk: -

- a) tidak mendedahkan butiran Kad atau PIN kepada mana-mana orang lain;
- b) tidak membenarkan mana-mana orang lain menggunakan Kad dan PIN;
- c) memaklumkan Bank secepat mungkin selepas mendapati bahawa Kad hilang, dicuri, transaksi tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah dikompromi;
- d) memaklumkan Bank dengan serta-merta selepas menerima makluman transaksi perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) jika transaksi tersebut tidak dibenarkan (jika ada);
- e) memaklumkan Bank dengan segera tentang sebarang perubahan dalam nombor hubungan Pemegang Kad;
- f) menggunakan Kad secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad untuk aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- g) menyemak sejarah Transaksi dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah-lengah (sekiranya ada);
- h) untuk menyimpan sebarang rekod PIN berasingan daripada Kad
- i) memusnahkan salinan asal PIN yang dicetak (sekiranya ada);
- j) jangan sesekali menulis PIN pada Kad atau pada apa-apa yang disimpan bersama atau berdekatan Kad dan di mana-mana sahaja yang boleh difahami oleh mana-mana orang lain sebagai PIN Kad anda;
- k) jangan sesekali menulis atau merekod PIN tanpa menyamakannya;
- l) jangan sekali-kali menggunakan sebarang maklumat peribadi yang mudah diakses sebagai PIN, termasuk tetapi tidak terhad kepada tarikh lahir, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor hubungan Pemegang Kad; dan
- m) menggunakan Kad mengikut prosedur, arahan dan/atau garis panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

2.6 Penggunaan Kad dan PIN adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini serta pematuhan sepenuhnya terhadap semua keperluan, batasan dan prosedur yang mungkin dikenakan oleh Bank dan/atau Skim Kad dari semasa ke semasa. Perkhidmatan, fungsi dan kemudahan yang tersedia melalui penggunaan Kad dan PIN akan ditentukan, ditambah, diubah, digantung atau ditamatkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 2.7 Kad hanya sah jika digunakan dalam Tarikh "Sehingga Sah" (Valid Thru) yang tercetak pada Kad. Pemegang Kad bertanggungjawab dan hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad tamat tempoh, ia dimusnahkan dengan memotongnya secara menyerong kepada dua bahagian merentasi cip.
- 2.8 Jika Pemegang Kad menggunakan Kad untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui laman atau portal internet dalam talian, Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaan tersebut pada setiap masa. Pemegang Kad bersetuju bahawa kemasukan maklumat Kad di internet adalah bukti yang mencukupi untuk kesahihan arahan tersebut. Bank tidak mempunyai kewajiban untuk mengesahkan identiti atau penggunaan Kad tersebut, tidak kira sama ada individu itu diberi kuasa atau sebaliknya dan tidak kira keadaan yang berlaku pada masa transaksi. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk tidak melaksanakan sebarang transaksi sedemikian melalui internet jika Bank mempunyai sebarang sebab untuk meragui kesahihannya atau jika, pada pendapat Bank, ia menyalahi undang-undang atau tidak wajar untuk berbuat demikian atau atas sebarang sebab lain.
- 2.9 Untuk transaksi dalam talian dengan pedagang 3-D Secure yang mengambil bahagian, Pemegang Kad hendaklah menggunakan fungsi Pengesahan Transaksi (Transaction Authentication) dalam Aplikasi Perbankan Mudah Alih (Mobile Banking App) untuk meluluskan transaksi dalam talian tersebut. Pemegang kad yang tidak mempunyai Aplikasi Perbankan Mudah Alih tidak akan dapat melakukan transaksi dalam talian di pedagang 3-D Secure yang mengambil bahagian.
- 2.10 Walau apa pun yang terkandung di sini yang bercanggah, Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan dengan kad yang memerlukan pengesahan PIN/pengesahan tandatangan, sekiranya Pemegang Kad
- a) telah bertindak secara penipuan,
 - b) melambatkan pemberitahuan kepada Bank secepat yang munasabah selepas menyedari kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran;
 - c) enggan bekerjasama dengan Bank dalam siasatan

- d) dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan Kad;
- e) mencatatkan PIN pada Kad, atau pada apa-apa yang disimpan berhampiran dengan Kad, dan boleh hilang atau dicuri bersama Kad; atau
- f) meninggalkan Kad atau barang yang mengandungi Kad tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain.

dan Pemegang Kad bersetuju untuk mengganti rugi dan mengecualikan Bank sepenuhnya daripada semua kerugian, kerosakan, liabiliti, serta semua kos dan perbelanjaan munasabah yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada perkara-perkara tersebut.

- 2.11 Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung tanggungjawab ke atas semua Transaksi Tanpa Sentuh yang dicaj kepada Kad dan direkodkan ke Akaun Yang Ditetapkan oleh Pemegang Kad.
- 2.12 Pemegang Kad dengan ini mengakujaji dan mengesahkan bahawa Transaksi yang akan dilaksanakan menggunakan Kad dan wang atau dana yang akan digunakan untuk Kad bukan daripada sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan Dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLATFPUAA"). Pemegang Kad memahami bahawa Bank mungkin diwajibkan di bawah AMLATFPUAA dan/atau undang-undang dan peraturan lain untuk melaporkan transaksi tertentu kepada Bank Negara Malaysia dan/atau pihak berkuasa berkaitan lain dan Pemegang Kad dengan ini memberikan persetujuan terhadap perkara tersebut dan bersetuju bahawa Bank, pegawai dan pekerjaanya tidak akan menanggung sebarang liabiliti ke atas penyediaan laporan sedemikian.
- 2.13 Sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian Kad, Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada Bank dengan segera dan menyerahkan laporan polis yang dibuat serta mana-mana dokumen yang diperlukan oleh Bank berkenaan kehilangan atau kecurian Kad tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh kehilangan/kecurian.

- 2.14 Pemegang Kad akan dipertanggungjawabkan ke atas sebarang transaksi tanpa kebenaran yang dicaj kepada Kadnya sebelum Pemegang Kad memaklumkan Bank secara lisan atau bertulis mengenai kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan.
- 2.15 Kad adalah hak milik Bank dan Bank berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya untuk menamatkan Kad atau menggantung penggunaannya atau sebaliknya menolak sebarang Transaksi apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut:
- a) Pemegang Kad menggunakan Kad untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - b) Pemegang Kad diisytiharkan muflis atau tidak solven atau meninggal dunia atau menjadi tidak siaman; atau
 - c) Pemegang Kad gagal mematuhi mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat di sini; atau
 - d) Mana-mana harta nyata atau peribadi Pemegang Kad tertakluk kepada levi pelaksanaan, writ lampiran, atau bebanan undang-undang lain; atau
 - e) Pemegang Kad melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan.
- 2.16 Walau apa pun yang terkandung di sini yang bertentangan, Bank mempunyai hak mutlak untuk menamatkan Kad atas apa jua sebab yang mungkin termasuk perintah mahkamah/injuksi, notis kebangkrapan atau perintah penguatkuasaan daripada mana-mana pihak berkuasa kawal selia dari semasa ke semasa atau apabila Bank telah menghentikan kemudahan Perkhidmatan yang disediakan di sini.
- 2.17 Selepas penamatan atau penggantungan Kad atau penolakan sebarang Transaksi mengikut Klausa 2.14 dan 2.15 di atas, Bank hendaklah memberikan notifikasi bertulis mengenai penamatan atau penggantungan Kad atau penolakan sebarang Transaksi tersebut kepada Pemegang Kad. Walau bagaimanapun, berhubung dengan penghentian Perkhidmatan oleh Bank, Bank akan memberikan notifikasi awal kepada Pemegang Kad mengenai penghentian tersebut.
- 2.18 Selain daripada yang berpunca daripada kecuaiian melampau, salah laku

sengaja atau penipuan oleh Bank, Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk melepaskan Bank daripada segala liabiliti dan mengganti rugi serta membebaskan Bank daripada sebarang tuntutan atau tuntutan apa jua yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penamatan atau penggantungan Kad atau penolakan untuk melaksanakan sebarang Transaksi termasuk sebarang tuntutan yang dikatakan untuk fitnah atau sebarang kerugian apa jua.

- 2.19 Dalam keadaan di mana peraturan Skim Kad membenarkan Pemegang Kad untuk meminta Bank untuk memulakan pertikaian (apabila hak pertikaian/caj balik tersedia) tertakluk kepada aduan atau pertikaian yang telah dibuat kepada Bank oleh Pemegang Kad secara bertulis dalam tempoh dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh Transaksi yang dinyatakan dalam Akaun Pemegang Kad dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang diperlukan atas permintaan Bank untuk menyokong pertikaian tersebut dalam tempoh jangka masa yang ditetapkan.
- 2.20 Jika siasatan dan pengesahan yang dijalankan oleh Bank mendapati bahawa transaksi yang dipertikaikan adalah tepat, sah dan telah diberi kuasa oleh Pemegang Kad, maka Pemegang Kad bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dipertikaikan tersebut.
- 2.21 Pemegang Kad juga bersetuju untuk mengganti rugi Bank terhadap semua kos, perbelanjaan & caj yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam proses pengesahan transaksi yang dipertikaikan.
- 2.22 Jika Pemegang Kad mempertikaikan sebarang transaksi yang dinyatakan dalam sejarah transaksinya, Bank boleh menggunakan budi bicara mutlak dan menjalankan siasatan yang difikirkan sesuai berkenaan transaksi yang dipertikaikan, di mana perkara berikut akan digunapakai:
 - a) Jika siasatan Bank mendedahkan atau menunjukkan bahawa Pemegang Kad bertanggungjawab ke atas mana-mana transaksi yang dipertikaikan, Bank berhak mengenakan sebarang kerugian, kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan siasatan tersebut ke atas Pemegang Kad seperti yang difikirkan sesuai oleh Bank, dan Bank berhak menggunakan budi bicara



中國銀行 马来西亚

BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD (511251-V)



mutlak untuk mendebit caj tersebut daripada Akaun Pemegang Kad tanpa notifikasi terlebih dahulu.

- b) Tiada caj siasatan akan dikenakan jika siasatan mendapati bahawa Pemegang Kad tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana transaksi yang dipertikaikan.

Keputusan Bank dalam sebarang siasatan yang dijalankan berkenaan Akaun Kad adalah muktamad, akhir dan mengikat Pemegang Kad.

- 2.23 Jika siasatan melebihi 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan pertikaian, Pemegang Kad akan diberikan kredit sementara sehingga jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan, atau RM5,000 bagi setiap pertikaian setiap kes, mengikut mana yang lebih rendah ("Kredit Sementara"). Tiada faedah, fi atau caj akan dikenakan ke atas Kredit Sementara termasuk sebarang Kredit Sementara yang perlu dibayar balik oleh Pemegang Kad pada bila-bila masa. Kredit Sementara akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemegang Kad dalam tempoh 14 hari bekerja, dan baki jumlah transaksi yang dipertikaikan ("Baki Jumlah") akan dikreditkan ke dalam Akaun Pemegang Kad selewat-lewatnya 30 hari bekerja dari tarikh penerimaan pertikaian jika siasatan belum selesai pada masa itu.
- 2.24 Setelah siasatan selesai dan jika Bank membuat kesimpulan bahawa Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya atau sebahagian ke atas transaksi yang dipertikaikan, Bank berhak meminta Pemegang Kad membayar balik Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang telah dibayar kepada Pemegang Kad sebelum ini (sama ada sepenuhnya atau sebahagian) dengan mendebit Akaun Pemegang Kad yang disimpan dengan Bank untuk mendapatkan semula Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang telah dibayar sebelum ini. Jika terdapat dana tidak mencukupi dalam Akaun Pemegang Kad, Bank akan menempah jumlah yang ada dalam Akaun tersebut sehingga dan melainkan Pemegang Kad telah menyelesaikan sepenuhnya Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada).
- 2.25 Jika Pemegang Kad gagal membayar balik Kredit Sementara dan Baki Jumlah

(sekiranya ada) setelah notifikasi oleh Bank, Bank berhak melaporkan Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang tertunggak ke dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) sebagai Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang tidak dikembalikan selepas 6 bulan dari tarikh keputusan muktamad. Jika Pemegang Kad memutuskan untuk meneruskan pertikaian transaksi tersebut dengan Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dalam tempoh 6 bulan dari tarikh keputusan muktamad oleh Bank, Bank hanya akan melaporkan Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang tertunggak ke dalam CCRIS sebagai Kredit Sementara dan Baki Jumlah (sekiranya ada) yang tidak dikembalikan setelah keputusan muktamad oleh FMOS.

- 2.26 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar, dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit daripada Akaun pada bila-bila masa, bagi memperolehi semula kredit sementara.
- 2.27 Kad pada bila-bila masa kekal sebagai hak milik Bank. Kad tidak boleh digunakan selepas pembatalan, penamatan, tamat tempoh, penggantungan atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi Pemegang Kad Bank. Pemegang Kad dikehendaki mengunjungi cawangan Bank yang terdekat untuk menyerahkan notis bertulis mengenai pembatalan atau penamatan tersebut dan bertanggungjawab sendiri untuk memusnahkan kad dengan memotongnya secara menyerong kepada dua bahagian merentasi cip, supaya tidak boleh digunakan lagi.
- 2.28 Sebelum tamat tempoh Kad, notifikasi akan dihantar kepada Pemegang Kad untuk mengingatkan Pemegang Kad untuk memperbaharui Kad. Jika Pemegang Kad gagal memperbaharui Kad dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tamat tempoh Kad, ia akan dianggap bahawa Pemegang Kad secara sukarela membatalkan Kad tersebut. Pemegang Kad boleh mengunjungi cawangan Bank yang terdekat untuk memohon semula Kad selepas pembatalan seperti yang dinyatakan di atas pada bila-bila masa, jika Pemegang Kad berminat untuk terus menggunakan Kad.
- 2.29 Pemegang Kad boleh, sebelum tamat tempoh Kad, dan setelah menerima

notifikasi daripada Bank, memilih untuk menyertai program pembaharuan Kad secara automatik ("Program Pembaharuan Kad Automatik") yang membolehkan Kad diperbaharui secara automatik dan Kad yang diperbaharui akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad yang disimpan dalam rekod Bank. Sekiranya Pemegang Kad tidak memilih untuk menyertai Program Pembaharuan Kad Automatik, Pemegang Kad dikehendaki mengunjungi mana-mana cawangan terdekat secara peribadi untuk mendapatkan Kad pengganti yang baharu selepas Kad tamat tempoh.

- 2.30 Pemegang Kad boleh meminta Bank untuk mengeluarkan Kad pengganti atau pembaharuan dan Bank berhak menggunakan budi bicara mutlak untuk menerima atau menolak permintaan tersebut tanpa perlu memberikan sebarang alasan. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengeluarkan Kad pengganti atau pembaharuan secara automatik selepas kehilangan, kecurian, tamat tempoh, penggantungan, penamatan atau pembatalan Kad.
- 2.31 Walau apa pun dan tanpa menjejaskan keluasan klausa-klausa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Pemegang Kad dengan jelas bersetuju bahawa penggunaan Kad adalah atas risikonya sendiri dan akan menanggung semua risiko yang berkaitan atau timbul daripada penggunaan Kad tersebut.
- 2.32 Terma-terma dan syarat-syarat yang mengawalselia Akaun(-akaun) Pemegang Kad dengan Bank akan terus digunapakai.
- 2.33 Pemegang Kad hendaklah memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun beliau untuk melaksanakan sesuatu Transaksi.
- 2.34 Bank tidak akan melaksanakan sebarang Transaksi melainkan terdapat baki yang mencukupi dalam Akaun Pemegang Kad, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat daripada atau berpunca daripada baki tidak mencukupi dalam Akaun Pemegang Kad. Baki akaun dalam Akaun Pemegang Kad tidak termasuk cek atau kiriman wang yang belum jelas atau belum diterima. Semua transaksi akan terbatal jika Akaun Pemegang Kad ditutup atau Transaksi dibatalkan pada atau sebelum tarikh transaksi tersebut.

- 2.35 Pemegang Kad bersetuju menanggung tanggungjawab sepenuhnya ke atas semua Transaksi yang dibuat menggunakan Kad tersebut dan mengakui rekod transaksi Bank sebagai mengikat dan muktamad untuk semua tujuan, dan dengan ini, Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Pemegang Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Pemegang Kad.
- 2.36 Semua transaksi yang timbul daripada penggunaan Kad yang ditetapkan untuk Akaun Bersama akan mengikat semua pemegang akaun, yang bertanggungjawab ke atas transaksi tersebut. Mandat akaun bersama tidak boleh dibatalkan melainkan Kad yang mandatnya hendak dibatalkan itu diserahkan kembali kepada Bank.
- 2.37 Sekiranya Akaun Pemegang Kad mengalami baki overdraf, Pemegang Kad hendaklah, apabila diminta oleh Bank, menampung jumlah overdraf tersebut beserta sebarang faedah yang dikenakan, yang akan dikira berdasarkan kadar Bank atau kadar faedah overdraf Akaun Semasa.
- 2.38 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan butir peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, nombor kad pengenalan, nama dan alamat yang mungkin berlaku dari semasa ke semasa, serta bertanggungjawab untuk mengganti rugi dan melepaskan Bank daripada sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul akibat butiran tidak tepat atau tidak lengkap oleh Pemegang Kad yang berada di luar kawalan Bank.
- 2.39 Sebarang aduan berkenaan penggunaan Kad hendaklah ditujukan kepada Pusat Perkhidmatan Kad di alamat komunikasi yang dinyatakan di bawah Klausula 11, Talian Perkhidmatan Pelanggan dalam dokumen ini.

3. Penggunaan Kad

- 3.1 Kad ini adalah Kad yang didayakan "Cip dan PIN", apabila Kad berurus niaga di Pedagang Cip dan PIN, Pemegang Kad dikehendaki memasukkan PIN mereka menggunakan Pad PIN Pedagang untuk melengkapkan Transaksi

dan PIN akan disahkan oleh sistem pengesahan BOCM.

- 3.2 Kad ini sah untuk digunakan oleh Pemegang Kad di Tanah Besar China, Malaysia dan/atau negara-negara lain untuk:
- a) pembelian barangan dan/atau perkhidmatan daripada Pedagang atau institusi kewangan yang menggunakan dan disambungkan kepada sistem tempat jualan (POS) Skim Kad;
 - b) pengeluaran tunai yang dilakukan di mana-mana ATM Bank atau mana-mana bank atau institusi ahli Skim Kad di seluruh dunia; dan/atau
 - c) kemudahan atau perkhidmatan kad lain sebagaimana yang mungkin disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 3.3 Apabila Kad digunakan di pam layan diri (dispenser minyak automatik) untuk membayar Transaksi petrol, amaun pra-pengesahan tertentu ("Amaun Pra-Pengesahan") akan ditahan oleh Bank daripada baki dalam Akaun. Bank akan melepaskan Amaun Pra-Pengesahan dan mendebit amaun transaksi sebenar ke Akaun setelah Bank menerima bukti amaun transaksi sebenar daripada Merchant dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan atau garis panduan kawal selia yang berkuatkuasa yang mungkin berbeza mengikut negara ("Tempoh Masa"). Amaun Pra-Pengesahan yang dipersetujui di pam layan diri di Malaysia ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) dan Tempoh Masa untuk Transaksi petrol di Malaysia ialah 3 hari bekerja dari tarikh transaksi.
- 3.4 Apabila Kad digunakan untuk transaksi pra-pengesahan lain selain Transaksi petrol, satu Amaun Pra-Pengesahan yang ditetapkan oleh Merchant akan ditahan oleh Bank daripada baki dalam Akaun. Bank akan melepaskan Amaun Pra-Pengesahan dan mendebit amaun transaksi sebenar ke Akaun setelah Bank menerima bukti amaun transaksi sebenar daripada Merchant atau dalam tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan atau garis panduan kawal selia yang berkuatkuasa (yang mungkin berubah dari semasa ke semasa), mengikut mana yang berkenaan.
- 3.5 Untuk Kad Debit MYR, Pemegang Kad dikehendaki memautkannya ke Akaun MYR Pemegang Kad. Manakala untuk Kad Debit Dwi-Mata Wang, Pemegang

Kad dikehendaki memautkannya ke Akaun MYR Pemegang Kad, dan atas pilihan Pemegang Kad, boleh memautkannya ke Akaun CNY Pemegang Kad. Jika Pemegang Kad memautkan Kad Debit Dwi-Mata Wang ke Akaun CNY:

- a) kesemua transaksi dalam CNY akan diselesaikan dalam CNY dan tiada kadar pertukaran akan ditentukan, sekiranya Pemegang Kad mempunyai baki yang mencukupi dalam Akaun CNY; dan
- b) jika Akaun CNY Pemegang Kad mempunyai baki yang tidak mencukupi, semua transaksi dalam CNY kemudiannya akan diselesaikan dalam Ringgit Malaysia (MYR) pada kadar pertukaran sedemikian dan pada masa yang mungkin ditentukan oleh Skim Kad masing-masing mengikut budi bicara mutlaknya ditambah dengan tokokan penukaran mata wang pada kadar seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4.1 atau kadar lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa.

- 3.6 Pemegang Kad mestilah memberikan Bank keizinan untuk menggunakan rekod Bank bagi sebarang/semua transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad menerusi semua saluran dan lain-lain kaedah yang mungkin diperkenalkan/dilaksanakan dari semasa ke semasa sebagai bukti transaksi yang telah dilaksanakan dengan betul oleh Pemegang Kad untuk didebitkan ke Akaun.
- 3.7 Pemegang Kad bersetuju bahawa rekod BOCM bagi sebarang transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad adalah muktamad dan mengikat Pemegang Kad untuk semua tujuan.
- 3.8 Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas semua caj dan pendahuluan yang timbul daripada semua Transaksi, sama ada yang dibenarkan atau tidak dibenarkan, yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad.
- 3.9 Sebarang transaksi luar negara yang dilakukan melalui Kad akan disekat secara lalai melainkan Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan transaksi luar negara. Sekiranya Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan transaksi luar negara dan kemudian ingin menarik balik pilihan

tersebut (atau sebaliknya), Pemegang Kad boleh sama ada mengunjungi cawangan BOCM di seluruh negara; atau menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan Bank untuk menukar pilihan tersebut. Sebagai alternatif, Pemegang Kad boleh menukar pilihan tersebut melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih atau BOCnet.

- 3.10 Sebarang transaksi tambah nilai / tambah nilai dalam talian atau sebarang pembayaran yang tidak disahkan akan disekat secara lalai melainkan Pemegang Kad telah memilih untuk mengaktifkan Transaksi Tanpa Kad. Sekiranya Pemegang Kad telah memilih untuk mengaktifkan Transaksi Tanpa Kad, dan Pemegang Kad kemudiannya ingin membatalkan pilihan tersebut atau sebaliknya, Pemegang Kad boleh sama ada melawat cawangan BOCM di seluruh negara atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank untuk menukar pilihan. Sebagai alternatif, Pemegang Kad boleh menukar pilihan melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih atau BOCnet.
- 3.11 Sekiranya Pemegang Kad mempunyai akses ke Akaun beliau melalui penggunaan Kad, rekod Transaksi atau semua Transaksi yang dilaksanakan akan disimpan oleh Bank. Rekod Transaksi akan dipaparkan dalam Buku Akaun Bank atau penyata berkala.
- 3.12 Untuk kad yang hilang atau dicuri, sila kunjungi cawangan terdekat kami atau hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan BOCM di +00603-20595566.
- 3.13 Baki dalam Akaun Pemegang Kad, yang ditunjukkan oleh SST, terminal POS, Perbankan Telefon atau sebarang cara lain, tidak akan termasuk sebarang deposit Pemegang Kad yang telah/belum disahkan oleh Bank. Deposit yang tidak disahkan tidak akan diambil kira untuk cek yang dikeluarkan oleh Pemegang Kad, pembayaran atau perkhidmatan pemindahan dana yang ditawarkan oleh Bank.
- 3.14 Baki dalam Akaun Pemegang Kad yang dilaporkan oleh SST, terminal POS, Perbankan Telefon dan sebarang cara lain tidak boleh, untuk apa jua tujuan, dianggap sebagai penyata muktamad Akaun Pemegang Kad dengan Bank.

- 3.15 Bagi Kad Debit Pelajar BOCM, ia hanya membenarkan Pemegang Kad Debit Pelajar BOCM untuk membayar barangan dan perkhidmatan melalui Terminal Pusat Jualan (POS) BOCM di kaunter pembayaran pedagang terpilih di dalam kawasan sekolah sahaja. Pemegang Kad Debit Pelajar BOCM dikehendaki memautkan Kad Debit Pelajar BOCM tersebut ke Akaun.

4. Transaksi Luar Negara

- 4.1 Jika sesuatu Transaksi dibuat dalam mata wang selain daripada MYR dan CNY, Transaksi tersebut akan ditukarkan kepada MYR pada kadar pertukaran sedemikian dan pada masa yang mungkin ditentukan oleh Skim Kad masing-masing mengikut budi bicara mutlaknya ditambah dengan tokokan penukaran mata wang pada kadar berikut atau kadar lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Bank dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pemegang Kad:-

Skim Kad	Tokokan Penukaran Mata Wang
MasterCard	2.00% daripada jumlah yang ditukar
UnionPay	1.00% daripada jumlah yang ditukar

- 4.2 Urus niaga luar negara tidak disediakan untuk Kad Debit Pelajar BOCM.

5. Had Transaksi Kad

Kad Debit MYR (tidak termasuk Kad Debit Pelajar BOCM) dan Kad Debit Dwi Mata Wang:

- 5.1 Had lalai pengeluaran harian melalui ATM ialah MYR 5,000.00/CNY 10,000.00. Pemegang Kad boleh menetapkan had pengeluaran harian pilihan mereka kepada maksimum MYR 10,000.00/CNY 20,000.00 melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet
- 5.2 Had lalai pembelian harian ialah MYR 5,000.00/CNY 10,000.00. Pemegang Kad generik boleh menetapkan had pembelian harian pilihan mereka kepada maksimum MYR 10,000.00/CNY 20,000.00 melalui mana-mana cawangan

Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih. Untuk Kad Debit Pengurusan Kekayaan di bawah segmen pelanggan Pengurusan Kekayaan, Pemegang Kad boleh menetapkan had pembelian harian pilihan mereka kepada maksimum MYR 50,000.00/ CNY 100,000.00 melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih.

- 5.3 Had lalai pemindahan dana harian ialah MYR 5,000.00/CNY10,000.00. Pemegang Kad boleh menetapkan had pemindahan dana harian pilihan mereka kepada maksimum MYR 10,000.00/ CNY 20,000.00 melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih.
- 5.4 Had lalai tanpa sentuh bagi setiap transaksi ialah MYR250.00/CNY500.00, tertakluk kepada had tanpa sentuh agregat harian maksimum MYR1,000.00/CNY2,000.00. Pemegang kad dikehendaki memasukkan PIN untuk transaksi tanpa sentuh yang melebihi had tanpa sentuh setiap transaksi atau had tanpa sentuh agregat harian maksimum, mana-mana yang berkenaan.
- 5.5 Had maksimum Pengeluaran Tunai melalui saluran MyDebit ialah RM500.00 setiap transaksi, dengan had harian maksimum RM2,000.00.
- 5.6 Bagi Akaun Minor, pengeluaran melalui ATM tertakluk kepada had maksimum yang ditetapkan oleh Pemegang Kad dalam jumlah terkumpul sehari, tetapi tidak boleh melebihi RM100.00 sehari. Transaksi POS, Transaksi Perbankan Internet, dan Transaksi Perbankan Telefon adalah dilarang untuk Akaun Minor.
- 5.7 Klausula 5.1, 5.2, 5.3, 5.4, 5.5 dan 5.6 tidak terpakai untuk Kad Debit Pelajar BOCM.
- Kad Debit Pelajar BOCM:
- 5.8 Had tanpa sentuh bagi setiap transaksi ialah MYR 50.00, tertakluk kepada had agregat maksimum tanpa sentuhan harian sebanyak MYR 100.00. Pemegang Kad dikehendaki memasukkan PIN sekiranya jumlah urus niaga melebihi had

tanpa sentuh yang disebutkan di atas bagi setiap transaksi atau had agregat maksimum tanpa sentuh harian, yang mana berkenaan.

- 5.9 Had lalai/maksimum pembelian harian ialah MYR 1,000.00. Pemegang Kad boleh menetapkan had pembelian harian pilihan mereka melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih.
- 5.10 Had lalai/maksimum deposit tunai ATM harian ialah MYR 1,000.00. Urus niaga dalam talian, pengeluaran tunai ATM, deposit tunai dan transaksi yang berlaku di luar kawasan sekolah tidak disediakan untuk Kad Debit Pelajar BOCM.
- 5.11 Bank berhak untuk meminda atau mengubah had di bawah Klausa 5.1, 5.2, 5.3, 5.4, 5.5, 5.6, 5.7, 5.8, 5.9 dan 5.10 pada bila-bila masa dan notis bertulis mengenai pindaan atau perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam apa jua bentuk/kaedah sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pindaan atau variasi tersebut dikuatkuasakan.

6. Fi, Caj dan Lain-lain Kos serta Perbelanjaan Undang-undang

- 6.1 Bank mempunyai hak untuk mengenakan fi kepada Pemegang Kad yang berkaitan dengan Perkhidmatan. Bank boleh menukar, meminda atau menambah fi ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kepada Pemegang Kad. Senarai fi dan caj semasa dipaparkan di laman web Bank.
- 6.2 Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menyemak semula kadar sebarang fi dan/atau caj pada bila-bila masa dan notis bertulis mengenai pindaan atau perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam sebarang bentuk atau kaedah yang mungkin ditetapkan oleh Bank sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum pindaan atau perubahan tersebut dikuatkuasakan.
- 6.3 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar, dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit daripada Akaun, pada bila-bila masa tanpa memberi notis

kepada Pemegang Kad terlebih dahulu, semua fi dan caj, faedah, cukai, duti atau levi yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran dan penggunaan Kad, dan semua kos undang-undang, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan atau dalam proses berusaha untuk menguatkuasakan Terma-terma dan Syarat-syarat.

- 6.4 Sebarang cukai yang dikenakan, sama ada yang sedang berkuat kuasa atau yang akan dilaksanakan dan boleh dikenakan menurut undang-undang berkaitan Kad, hendaklah ditanggung oleh Pemegang Kad.

7. Hak Tolak Hutang

- 7.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa Bank berhak untuk menggabungkan, menyatukan, serta menolak hutang atau memindahkan sebarang jumlah daripada mana-mana akaun yang dikekalkan dengan Bank tanpa mengira tempoh matangnya (jika ada) dan sama ada akaun tersebut dipegang oleh Pemegang Kad secara tunggal atau bersama dengan orang lain, bagi menyelesaikan sebarang baki tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank

oleh Pemegang Kad berkenaan dengan Kad, dengan memberi notis kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya 7 hari kalendar terlebih dahulu mengenai niat Bank untuk berbuat demikian. Bank juga boleh pada masa yang sama menyekat dana yang tersedia dalam akaun deposit Pemegang Kad sebagai cagaran terhadap wang yang tertunggak dalam Akaun mulai dari tarikh notis dikeluarkan kepada Pemegang Kad.

- 7.2 Jika sebarang penolakan hutang atau penggabungan yang dilakukan oleh Bank melibatkan penukaran satu mata wang kepada mata wang yang lain, Bank berhak tanpa memberikan notis untuk membuat penukaran yang diperlukan pada kadar pertukaran mata wang semasa Bank. Sebarang kerugian yang mungkin timbul akibat penukaran sedemikian tidak boleh dituntut daripada Bank.

8. Had Liabiliti oleh Bank

- 8.1 Dalam apa jua keadaan sekalipun, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas

sebarang kerugian atau ganti rugi yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat atau berkaitan dengan:

- a) sebarang penggunaan, penyalahgunaan atau kerosakan pada Kad atau peranti lain yang dibekalkan oleh Bank;
 - b) sebarang kenyataan, penggambaran, komunikasi atau implikasi yang berkaitan dengan atau timbul daripada sebarang ketidakperbaharuan atau pembatalan Kad atau sebarang pembatalan, penggantungan atau sekatan terhadap penggunaan Kad oleh Pemegang Kad; dan
 - c) sebarang tindakan atau kecuaiian oleh Pedagang, walau bagaimana pun terjadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan Pedagang untuk menerima atau mengiktiraf Kad atau sebarang kecacatan atau kekurangan dalam barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Pedagang. Pemegang Kad hendaklah berurusan secara langsung dengan Pedagang mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak boleh mempertikaikan sebarang pembayaran yang dibuat oleh Bank daripada Akaun Pemegang Kad berkenaan dengan tuntutan atau pertikaian tersebut dengan Pedagang serta berjanji untuk tidak menahan sebarang pembayaran kepada Bank apabila berlakunya tuntutan atau pertikaian sedemikian dengan Pedagang.
- 8.2 Bank juga berhak menolak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, sebarang caj ke atas Akaun yang diminta oleh mana-mana institusi perniagaan atau institusi kewangan. Sebarang tuntutan atau pertikaian yang mungkin dihadapi oleh Pemegang Kad terhadap atau dengan mana-mana institusi perniagaan atau institusi kewangan hendaklah diselesaikan secara langsung antara Pemegang Kad dengan institusi berkenaan, dan dalam apa jua keadaan sekalipun, tuntutan atau pertikaian sedemikian tidak akan melepaskan Pemegang Kad daripada tanggungjawabnya terhadap Bank di bawah perjanjian ini.
- 8.3 Bank tidak diwajibkan untuk mengkreditkan Akaun dengan bayaran balik yang dibuat oleh mana-mana institusi perniagaan atau institusi kewangan sehingga bayaran balik tersebut, bersama-sama dengan baucar kredit yang berkaitan dalam bentuk yang boleh diterima oleh Bank, telah diterima oleh Bank.

- 8.4 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi yang tidak berjaya dengan Pedagang disebabkan baki yang tidak mencukupi dalam Akaun. Pemegang Kad wajib mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun bagi membolehkan transaksi Kad dilaksanakan dengan jayanya
- 8.5 Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian tidak langsung, bersusulan atau sampingan, termasuk kehilangan keuntungan atau peluang, atau apa-apa jenis kerugian atau ganti rugi lain yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau mana-mana pihak ketiga, sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dalam apa jua cara sekalipun ianya timbul.
- 8.6 Dalam menyediakan perkhidmatan Kad, Bank boleh berkomunikasi dengan atau mendapatkan arahan daripada Pemegang Kad melalui telefon, faksimili, internet atau kaedah lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Berkaitan dengan ini, Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh merekodkan dan menyimpan sebarang komunikasi dan/atau arahan sedemikian untuk tempoh yang difikirkan sesuai oleh Bank. Bank akan, dengan niat baik dan penuh berhati-hati, melaksanakan komunikasi dan/atau arahan tersebut tanpa memerlukan pengesahan lanjut daripada Pemegang Kad. Sebarang komunikasi dan/atau arahan sedemikian akan, kecuali terdapat kesilapan yang nyata, dianggap muktamad dan mengikat Pemegang Kad.
- 8.7 Sekiranya terdapat sebarang prosiding yang dibawa oleh Pemegang Kad terhadap Bank atas apa-apa sebab sekalipun, Pemegang Kad bersetuju bahawa liabiliti Bank tidak akan melebihi jumlah yang salah dicaj ke Akaun, tertakluk kepada sebarang had yang ditetapkan oleh undang-undang dan dengan syarat Bank tidak melakukan kecuaiian melampau/keingkaran disengajakan.
- 8.8 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad bagi sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan kewajipannya di bawah

Terma-terma dan Syarat-syarat ini jika kelewatan atau kegagalan tersebut berpunca daripada sebarang sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam (seperti kebakaran, banjir, kilat, gempa bumi atau bencana alam lain), pertikaian industri, mogok, sekatan kerja, keganasan, rusuhan, kekacauan awam, peperangan, sekatan, wabak penyakit, atau sebarang kegagalan atau gangguan terhadap perkhidmatan telekomunikasi atau bekalan elektrik kepada Bank atau sistem komputer Bank, atau apa-apa keadaan lain yang bersifat di luar kawalan Bank. Dalam mana-mana keadaan sedemikian, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemegang Kad bagi sebarang akibat, ketidakselesaian, kerugian, kecederaan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad.

- 8.9 Bagi Kad Debit Dwi Mata Wang, rangkaian pembayaran ditentukan oleh Pedagang, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas pemilihan rangkaian laluan pembayaran yang ditetapkan oleh Pedagang.

9. Pendedahan Maklumat

- 9.1 Pemegang Kad bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, menggunakan, memindah, mendedahkan dan/atau menyimpan maklumatnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi) selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi yang dikeluarkan oleh BOCM (salinannya boleh didapati di semua Cawangan BOCM serta laman webnya di www.bankofchina.com.my/en).
- 9.2 Pemegang Kad dengan ini mengisytiharkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi BOCM serta memahami bahawa Notis Privasi tersebut boleh diubahsuai atau dikemaskini oleh BOCM dari semasa ke semasa, dan Pemegang Kad hendaklah melayari laman web BOCM di www.bankofchina.com.my/en untuk versi terkini.
- 9.3 Pemegang Kad dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada BOCM untuk mendedahkan maklumat peribadi beliau atau maklumat yang berkaitan dengan Kad atau Akaun beliau kepada mana-mana pihak ketiga, termasuk

tetapi tidak terhad kepada mana-mana syarikat dalam Kumpulan Bank of China, penyedia perkhidmatan mereka, vendor, agensi kutipan hutang, penasihat profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia ("LHDN"), Agensi Pelaporan Kredit, agensi pencegahan penipuan, agensi kerajaan, institusi kewangan lain dan/atau mana-mana ejen dan/atau pekerja masing-masing, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia. Pendedahan ini adalah untuk tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi atau untuk sebarang tujuan yang difikirkan perlu oleh BOCM, atau untuk memudahkan penggunaan Kad, atau untuk memproses sebarang transaksi yang telah atau akan dilaksanakan melalui penggunaan Kad.

- 9.4 Pemegang Kad dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, menggunakan, memindahkan, mendedahkan dan/atau menyimpan data peribadi sensitif beliau (contohnya, agama) bagi tujuan permohonan Kad.
- 9.5 Pemegang Kad mengesahkan bahawa beliau telah memperoleh persetujuan daripada mana-mana individu pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana pemegang amanah, penandatanganan yang diberi kuasa, pemegang saham, pengarah, penjamin, dan saudara-mara yang telah/mungkin telah memberikan maklumat peribadi mereka semasa hubungan beliau dengan BOCM. Pemegang Kad juga mengesahkan bahawa beliau telah memaklumkan semua pihak tersebut untuk melayari laman web BOCM di www.bankofchina.com.my/en bagi mendapatkan salinan Notis Privasi.
- 9.6 Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan maklumat peribadi beliau kepada BOCM dan syarikat-syarikat kumpulan Bank of China untuk tujuan pemasaran dan promosi. Pemegang Kad maklum bahawa sekiranya beliau ingin menarik diri (opt-out) daripada perkongsian data peribadi dengan BOCM dan syarikat-syarikat kumpulan Bank of China untuk tujuan pemasaran dan promosi, Pemegang Kad dikehendaki hadir ke cawangan BOCM atau menghantar emel surat penarikan diri yang telah ditandatangani untuk mendaftarkan arahan beliau bagi menarik diri daripada

perkongsian tersebut. Salinan surat penarikan diri standard boleh didapati di kaunter mana-mana cawangan BOCM.

- 9.7 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa Agensi Pelaporan Kredit diberi kuasa untuk mengumpul/mendapatkan/mencari maklumat daripada mana-mana sumber data dan menyediakan maklumat tersebut (termasuk sebarang laporan kredit, maklumat yang diproses dan/atau produk berkaitan lain) kepada BOCM.

10. Notis

- 10.1 Kesemua notis kepada Pemegang Kad akan dihantar melalui pos biasa atau secara serahan tangan atau ditinggalkan di alamat Pemegang Kad yang diberikan kepada Bank atau di alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui. Notis juga boleh dihantar melalui pengiklanan mengikut cara yang difikirkan sesuai oleh Bank atau dengan menyiarkannya di laman web Bank.
- 10.2 Penyampaian sebarang notis atau proses undang-undang akan dianggap telah berkuat kuasa pada tarikh serahan jika dihantar secara serahan tangan. Jika ia dihantar melalui pos, ia akan dianggap berkuat kuasa pada Hari Perniagaan kedua selepas pengposan kepada Pemegang Kad di alamat terakhir yang diketahui yang dimaklumkan kepada Bank. Notis juga dianggap berkuat kuasa pada tarikh sebarang pengiklanan mengenainya atau pada tarikh penyiaran notis tersebut oleh Bank di laman web Bank.
- 10.3 Sebarang notis atau komunikasi daripada Pemegang Kad kepada Bank boleh dihantar secara serahan peribadi, kurier, atau melalui pos berdaftar atau pos biasa. Notis atau komunikasi tersebut akan dianggap diterima apabila diperakui oleh Bank.

11. Talian Perkhidmatan Pelanggan

- 11.1 Sekiranya Pemegang Kad ingin menghubungi Bank mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan, beliau boleh mengunjungi cawangan BOCM atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank di:

Bank of China (Malaysia) Berhad
Tkt Bawah, Mezzanine & Satu, Plaza OSK
25 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Emel: service.my@bankofchina.com
Tel : 603-2059 5566

12. Undang-undang dan Bidang Kuasa

- 12.1 Terma-terma dan Syarat-syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan Pemegang Kad secara sepenuhnya tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.

13. Variasi Terma-terma dan Syarat-syarat

- 13.1 Terma dan Syarat di sini tidak menyeluruh dan Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberikan notis sekurang-kurangnya 21 hari kalendar kepada Pemegang Kad sebelum pindaan atau variasi tersebut dikuatkuasakan. Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa sebarang penambahan, pengeluaran, variasi atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat akan mengikat Pemegang Kad dan dianggap telah dimaklumkan kepada Pemegang Kad dengan dipaparkan di Bank dan mana-mana cawangannya atau diposkan kepada Pemegang Kad di alamat terakhir yang diketahui atau diiklankan melalui apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh Bank. Sebarang perkhidmatan baharu yang mungkin diperkenalkan oleh Bank dari semasa ke semasa, sekiranya diiklankan oleh Bank melalui surat khabar atau barangan promosi Bank yang diletakkan di kaunter Bank, ianya akan dianggap bahawa Pemegang Kad telah dimaklumkan secara berkesan dan mencukupi.

- 13.2 Penyimpanan atau penggunaan berterusan Kad selepas tarikh

penguatkuasaan sebarang perubahan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat dan/atau Fi dan Caj akan dianggap bahawa Pemegang Kad telah menerima perubahan-perubahan tersebut.

- 13.3 Sekiranya Pemegang Kad tidak menerima perubahan yang dicadangkan oleh Bank, satu-satunya tindakan yang tersedia untuk Pemegang Kad adalah untuk menamatkan atau membatalkan Kad tersebut mengikut Klausula 2.27.

14. Terma-terma dan Syarat-syarat serta Notis Privasi bagi Penggunaan Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian

- 14.1 Selain daripada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas, apabila Pemegang Kad menggunakan Laman Web BOCM atau Perkhidmatan Dalam Talian, Terma Penggunaan yang mengawal Laman Web dan Perkhidmatan Dalam Talian (sekiranya ada) serta Notis Privasi akan terpakai sebagai tambahan dan bukan sebagai pengganti kepada mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.

15. Lain-lain

- 15.1 Melainkan yang timbul daripada kecuaian melampau, salah laku yang disengajakan, atau penipuan Bank, Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan Bank dilindungi sepenuhnya daripada sebarang tindakan, tuntutan, permintaan, perbelanjaan (termasuk fi guaman atas dasar indemniti penuh) yang dialami atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada penggunaan Kad oleh Pemegang Kad.
- 15.2 Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan mengikat setiap pengganti, wakil peribadi dan pihak yang bertindak secara sah bagi pihak Pemegang Kad.
- 15.3 Kegagalan, kelalaian atau kelewatan oleh Bank untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak di bawah mana-mana peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak boleh dianggap sebagai pelepasan terhadap hak tersebut, dan pelaksanaan sebahagian atau tidak sempurna terhadap mana-mana hak tidak akan menjejaskan pelaksanaan lanjut hak tersebut atau pelaksanaan mana-mana hak yang lain.

- 15.4 Pemegang Kad tidak boleh menyerahkan mana-mana hak dan/atau obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini. Bank boleh menyerahkan atau memindahkan mana-mana hak dan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana pihak ketiga.
- 15.5 Untuk mengukuhkan pendirian tegas Bank terhadap aktiviti kesalahan cukai dan untuk memenuhi keperluan undang-undang dan pematuhan berkaitan dengan pengesanan, penyiasatan, dan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pengelakan cukai, penipuan, atau sebarang tindakan atau percubaan untuk memintas atau melanggar mana-mana undang-undang berkaitan perkara-perkara ini, Bank akan mengambil semua tindakan yang perlu termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan rutin, pemantauan, dan semakan Pemegang Kad dan transaksi Pemegang Kad untuk tujuan tersebut. Pemegang Kad mengesahkan dan memahami bahawa status cukai Pemegang Kad akan tertakluk kepada pemeriksaan dan pemantauan tersebut. Pemegang Kad juga mengisytiharkan kepada Bank bahawa Pemegang Kad, sejauh pengetahuan terbaik Pemegang Kad, tidak melakukan atau disabitkan dengan jenayah cukai.
- 15.6 Terma-terma dan Syarat-syarat adalah tertakluk kepada peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-Bank di Malaysia, badan-badan pengawal selia, serta pihak-pihak berkaitan yang lain, sama ada kawal selia, garis panduan dan peraturan tersebut dikuatkuasakan oleh undang-undang atau sebaliknya.
- 15.7 Setiap terma di bawah Terma dan Syarat ini adalah berbeza antara satu sama lain, dan jika pada bila-bila masa mana-mana satu atau lebih terma atau mana-mana bahagian daripadanya adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahihan undang-undang, atau kebolehuatkuasaan terma-terma yang selebihnya tidak terjejas atau tidak efektif dalam apa jua cara.